

Pelajar Luar Negara Perlindungan Kesihatan

Apakah Perlindungan Kesihatan untuk Pelajar Luar Negara?

Last updated November 2012

- [Apakah OSHC?](#)
- [Kenapa pelajar luar negara memerlukan OSHC?](#)
- [Siapakah yang layak untuk mendapatkan OSHC?](#)
- [Berapa lama saya perlu dilindungi OSHC?](#)
- [Apakah bentuk perlindungan yang disediakan di OSHC?](#)
- [Apa yang tidak dilindungi?](#)
- [Ada tempoh menunggu?](#)
- [Bilakah perlindungan saya bermula?](#)
- [Sistem penjagaan kesihatan Australia](#)
- [Apakah perkhidmatan rawatan bersekutu?](#)
- [Apa yang patut dilakukan jika saya memerlukan rawatan perubatan?](#)
- [Bagaimana cara membuat tuntutan?](#)
- [Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan?](#)
- [Bagaimana saya memperbaharui OSHC?](#)
- [Apakah yang akan berlaku jika saya lupa memperbaharui OSHC saya?](#)
- [Saya akan meninggalkan Australia dan OSHC saya belum tamat tempoh, bolehkah saya mendapat bayaran balik?](#)

Apakah OSHC?

Overseas Student Health Cover (OSHC) merupakan insurans kesihatan yang membantu anda membayar rawatan hospital dan perubatan semasa pengajian di Australia. Ia termasuk:

- Rawatan bagi doktor tempatan yang dipanggil GP
- Rawatan pakar di luar hospital
- Rawatan perubatan Hospital
- Ubat-ubatan preskripsi
- Bantuan ambulans kecemasan

Global Assistance

Allianz 

Kenapa pelajar luar negara memerlukan OSHC?

Keperluan visa pelajar

Ia adalah satu keperluan visa pelajar di luar negara untuk mempunyai OSHC bagi sepanjang tempoh mereka berada di Australia. Jika anda melanjutkan tempoh visa pelajar anda, anda perlu memperbaharui polisi OSHC anda.

Ketenangan fikiran

Rawatan perubatan di Australia di anggap sebagai salah satu yang terbaik di dunia tetapi kosnya agak tinggi. Pelajar luar negara tidak layak untuk menikmati sistem insurans kesihatan awam Australia yang dikenali sebagai "Medicare". Tanpa OSHC anda mempunyai kesukaran membayar rawatan perubatan. Contohnya kos rawatan di hospital boleh mencecah lebih \$1500 sehari.

Siapakah yang layak untuk mendapatkan OSHC?

Pemegang visa pelajar atau mereka yang sedang memohon visa pelajar adalah layak untuk OSHC.

Pasangan pemegang visa pelajar, de facto atau kanak-kanak (bawah 18 tahun) juga layak dilindungi oleh polisi keluarga OSHC yang bersesuaian.

Berapa lama saya perlu dilindungi OSHC?

Ia adalah satu keperluan visa pelajar di luar negara untuk mempunyai OSHC bagi sepanjang tempoh penginapan mereka di Australia. Jika anda melanjutkan tempoh visa pelajar anda, anda perlu memperbaharui polisi OSHC anda.

Apakah bentuk perlindungan yang disediakan oleh OSHC?

OSHC membantu anda menampung kos rawatan perubatan sepanjang berada di Australia. Fungsinya sama seperti Medicare yang menyediakan rawatan perubatan untuk warganegara Australia. Selain itu, OSHC juga mempunyai akses kepada hospital-hospital swasta dan pembedahan harian, perlindungan ambulans kecemasan dan preskripsi ubat-ubatan.

What is Overseas Student Health Cover?

Berikut adalah panduan ringkas tentang perkhidmatan OSHC. Untuk maklumat lanjut tentang perlindungan yang disediakan sila rujuk Dokumen Polisi dan Panduan Keahlian.

| Perkhidmatan | Kebaikan setiap perkhidmatan |
|---|--|
| Perkhidmatan rawatan luar | |
| Perkhidmatan perubatan oleh <i>General Practitioner</i> (GP). | Perlindungan 100% berdasarkan caj Jadual Manfaat Medicare (<i>Medicare Benefits Schedule</i>) (MBS). |
| Semua rawatan lain seperti patologi dan radiologi (termasuk pakar) | 85% daripada caj MBS. |
| Rawatan di hospital | |
| Rawatan yang disediakan di hospital. | 100% daripada caj MBS |
| Hospital awam | |
| Pesakit yang berkongsi wad, perkhidmatan hari yang sama, kemalangan dan kecemasan, rawatan pesakit luar dan rawatan selepas pembedahan. | Kadar ditentukan oleh pihak berkuasa kesihatan Negeri dan Wilayah bagi rawatan yang dikenakan kepada pesakit yang bukan pemastautin Australia. |
| Hospital swasta / kemudahan pendaftaran hospital | |
| | 100% daripada caj yang dikenakan oleh hospital panel berdasarkan pakej perlindungan yang diambil, sekurang-kurangnya mengingati di wad kongsi. |
| Ubat-ubatan | |
| Untuk ubat-ubatan yang telah diberikan preskripsi oleh doktor anda. | 100% daripada Skim Manfaat Farmaseutikal (<i>Pharmaceutical Benefits Scheme</i>) (PBS) termasuk: <ul style="list-style-type: none"> •maksimum \$50 untuk setiap preskripsi •maksimum \$300 setahun untuk perlindungan Perseorangan. •maksimum \$600 setahun untuk perlindungan Keluarga dengan maksimum \$300 seorang |
| Perkhidmatan ambulans | |
| Ambulans untuk kecemasan dan keperluan perubatan. | 100% daripada caj ambulans |
| Pembedahan mengimplan | |

| prostesis | |
|--|---|
| Pembedahan mengimplan prostesis dan item lain yang termasuk Senarai Prostesis Kerajaan Persekutuan | 100% daripada kos berdasarkan Senarai Prostesis Australia |

Untuk maklumat lanjut berkenaan Medicare dan Jadual Manfaat Medicare, sila layari laman web Medicare yang dikelolakan pihak kerajaan:

<http://www.medicareaustralia.gov.au>

<http://www.health.gov.au/internet/mbsonline/publishing.nsf/Content/Medicare-Benefits-Schedule-MBS-1>

Apa yang tidak dilindungi?

Pengecualian yang dinyatakan di bawah adalah panduan sahaja. Sila rujuk Dokumen Polisi dan Panduan Ahli untuk maklumat lanjut.

Contoh pengecualian termasuk:

- Rawatan pergigian
- Bayaran optik
- Fisioterapi, osteopaths, kiropraktor, naturopaths atau mana-mana rawatan sokongan
- Pembedahan kosmetik tertentu
- Pembayaran bersama dan / atau pembayaran ansuran
- Rawatan kesuburan
- Rawatan berkaitan kehamilan dalam tempoh 12 bulan pertama selepas ketibaan di Australia;
- Keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan pertama
- Ubat-ubatan yang tidak ditetapkan oleh doktor atau tidak termasuk dalam PBS
- Rawatan atau perkhidmatan hospital akibat daripada insiden-insiden Pengecualian Am

Ada tempoh menunggu?

12 bulan untuk tuntutan kes tersedia.

Kes tersedia adalah satu keadaan di mana penyakit atau tanda-tanda atau gejala-gejala yang wujud dalam tempoh 6 bulan sebelum tiba di Australia atau sebelum visa pelajar diterima. Seorang pengamal perubatan bertauliah atau yang dilantik oleh kami akan mendiagnosis kes-kes tersedia.

Tempoh menunggu 12 bulan bermula daripada tarikh ketibaan di Australia atau tarikh visa pelajar yang diterima, atau mana yang lebih lama.

Terdapat tempoh menunggu 2 bulan untuk keadaan psikiatri tersedia dan tempoh menunggu 12 bulan untuk rawatan berkaitan kehamilan, bergantung kepada polisi anda. Maklumat di atas adalah panduan sahaja. Sila rujuk Dokumen Polisi dan Panduan Keahlian untuk maklumat lanjut mengenai syarat-syarat dan pengecualian kes-kes tersedia.

Bilakah perlindungan saya bermula dan berakhir?

Bagi pelajar baru perlindungan anda di atur sebelum berangkat ke Australia oleh Institusi Pengajian negara anda dan akan diaktifkan sebaik sahaja tiba di Australia.

Bagi pelajar sedia ada anda dilindungi sehingga tarikh tamat tempoh yang tertera di kad keahlian anda. Sila pastikan bahawa anda mempunyai kad keahlian dan tahu tarikh tamat tempohnya supaya anda kekal dilindungi.

Sistem penjagaan kesihatan di Australia

Sistem penjagaan kesihatan Australia terbuka kepada semua rakyat Australia dan merupakan antara yang terbaik di dunia. Sistem kesihatan yang dikenali sebagai "Medicare" dibiayai oleh hasil cukai. Medicare meliputi bidang perubatan, hospital dan kos farmaseutikal, tetapi tidak melindungi kos hospital swasta, pergigian, optikal dan perkhidmatan yang serupa.

Sistem perubatan Australia terdiri daripada:

- Doktor tempatan yang dipanggil General Practitioner atau GP
 - Doktor pakar
 - Hospital Awam
 - Hospital Swasta
 - Kemalangan dan jabatan kecemasan di Hospital Awam
- Apa yang perlu saya lakukan jika saya memerlukan rawatan perubatan?

Doktor (General Practitioners)

Jika bukan kes kecemasan, rujukan pertama adalah doktor (GP) di klinik kawasan anda. Sila buat temujanji melalui telefon sebelum bertemu mereka. Anda boleh mencari doktor dengan menggunakan aplikasi "Find a Doctor" di laman web kami, yang menyenaraikan beratus-ratus doktor swasta di seluruh Australia. www.oshcallianzassistance.com.au/doctor

Di pusat perubatan, doktor akan bertanya soalan tentang kesihatan anda dan menjalankan pemeriksaan fizikal ringkas. Mereka kemudian akan memberikan

What is Overseas Student Health Cover?

nasihat mengenai rawatan berkaitan kesihatan anda, dan mungkin akan merujuk anda kepada ujian atau rawatan lanjut jika perlu.

Di bahagian penjelasan bil pusat perubatan, anda perlu menunjukkan kad keahlian dan foto supaya mereka boleh membuat tuntutan kepada kami bergantung pada pakej perlindungan yang anda pilih. Selain itu, anda boleh memilih salah satu daripada ribuan doktor di Australia. Anda perlu membayar dahulu bil yang dikenakan kemudian mengemukakan tuntutan kepada kami.

Sesetengah klinik atau hospital mengenakan bayaran 'perbezaan' yang tertakluk dibawah caj Jadual Manfaat Medicare (*Medicare Benefits Schedule*) (MBS); bayaran yang dikenakan sebagai sebahagian daripada OSHC anda. Yuran 'perbezaan' ini juga perlu dibayar oleh rakyat Australia dan pelajar antarabangsa.

Setiap pusat perubatan tempatan menawarkan perkhidmatan seperti:

- Rawatan am: pemeriksaan fizikal, patologi (ujian darah), pemeriksaan kulit, nasihat pemakanan, sokongan berhenti merokok
- Penilaian dan rawatan, kesihatan dan kecederaan
- Rawatan kecemasan
- Pemeriksaan diagnostik asas: ujian air kencing kehamilan, ujian kencing, bacaan tekanan darah, ujian gula dalam darah
- Kesihatan wanita: nasihat perancang kehamilan, 'pap smears', pemeriksaan kesihatan seksual, ujian kehamilan dan nasihat, pemeriksaan payudara
- Kesihatan Lelaki: pemeriksaan kesihatan seksual, pemeriksaan prostat
- Kaunseling kesihatan: fizikal dan peribadi
- Rujukan khidmat pakar

Anda boleh bercakap dengan jururawat kami dengan menghubungi talian bantuan 24 jam di 1800 814 781

Kemalangan dan Rawatan Kecemasan

Setiap hospital awam mempunyai bahagian Kecemasan 24 jam untuk rujukan anda di waktu kecemasan.

Pesakit di jabatan ini dinilai dan dirawat berdasarkan tahap kecederaan mereka. Pesakit dengan kecederaan paling kritikal akan dirawat terlebih dahulu. Jika keadaan anda kurang serius, anda mungkin perlu menunggu lama untuk berjumpa doktor.

Jika anda perlukan rawatan kecemasan, sila hubungi nombor kecemasan Australia 000. Operator 000 juga boleh menguruskan ambulans.
Rawatan Hospital

What is Overseas Student Health Cover?

Jika anda dirujuk ke hospital oleh GP untuk menjalani rawatan, anda perlu menghubungi kami dengan segera di talian 1800 651 349. Anda perlu menyediakan butir-butir rawatan dan penginapan hospital. Seterusnya, kami akan membuat pengiraan bagi menjelaskan bil berkaitan kepada pihak hospital tersebut.

Hospital Awam

Secara umumnya, kami menampung kos penginapan dan rawatan anda sebagai pesakit di wad kongsi di hospital awam. Selepas keluar daripada hospital, rawatan anda akan diteruskan sama ada di klinik pesakit luar, mana-mana doktor pakar di hospital, atau kepada GP di kawasan anda.

Hospital Swasta

Anda boleh memilih untuk dirawat di hospital swasta. Kami akan menampung kos rawatan 100% berdasarkan Jadual Manfaat Medicare (MBS) tetapi terhad untuk penginapan di wad kongsi. Walau bagaimanapun, anda mungkin perlu menampung sendiri mana-mana kos caj rawatan di luar polisi perlindungan OSHC.

Khidmat Kesihatan Peribadi dan Rawatan Pakar

Selepas pertemuan awal dengan doktor, anda akan dirujuk kepada doktor pakar jika keadaan anda memerlukan khidmat pakar atau rawatan susulan.

Apakah perkhidmatan rawatan bersekutu?

Kami mempunyai rangkaian rakan bersekutu yang menyediakan khidmat nasihat dan rawatan kesihatan di seluruh Australia. Bayaran caj dikenakan terus tanpa perlu menjalani proses tuntutan yang mengambil masa. Anda hanya perlu menunjukkan kad keahlian dan menerima rawatan yang secukupnya dalam masa yang singkat.

Sesetengah premis mungkin mengenakan bayaran akibat perbezaan waktu perkhidmatan, tetapi secara keseluruhannya kami akan memantau kos pembayaran tersebut secara langsung.

Anda boleh mencari Perkhidmatan Rawatan Bersekutu terdekat di laman web kami: www.oshcallianzassistance.com.au/doktor

Bagaimana cara untuk membuat tuntutan?

What is Overseas Student Health Cover?

Untuk memastikan tuntutan anda berjaya, anda memerlukan resit asal dan/atau invoie dan sebarang dokumen lain yang berkaitan. Anda boleh membuat tuntutan melalui tiga cara:

Tuntutan dalam kampus

Perkhidmatan tuntutan dalam kampus boleh dilakukan di kebanyakan institusi Pendidikan dengan menghubungi salah seorang Wakil Khidmat Pelanggan kami. Mereka boleh memproses tuntutan sehingga \$105 dan memberikan anda baucar yang boleh ditukar dengan wang tunai di outlet Pejabat Pos Australia. Anda boleh mengetahui lokasi dan waktu operasi Wakil Khidmat Pelanggan tempatan dengan melayari bahagian pelajar di laman web kami.

Melalui Atas Talian

1. Layari laman web kami: www.oshcallianzassistance.com.au dan log masuk ke bahagian Pelajar menggunakan nombor Polisi, nama dan tarikh lahir anda.
2. Apabila anda telah berjaya log masuk, hanya ikuti langkah demi langkah yang disediakan untuk membuat tuntutan.
3. Rekodkan nombor rujukan tuntutan semasa membuat tuntutan secara atas talian dan tuliskan di belakang semua resit dan/atau invoie asal anda.
4. Hantarkan resit dan/atau invoie asal anda ke

Allianz Global Assistance OSHC
Locked Bag 3001
Toowong QLD 4066

Melalui Pos

1. Ambil borang tuntutan dari Institusi Pendidikan anda atau dengan cara muat turun dari laman web kami.
2. Lengkapkan borang tuntutan tersebut dan kepilkan bersama resit dan/atau invoie asal anda.
3. Hantarkan resit dan/atau invoie asal anda ke

Allianz Global Assistance OSHC
Locked Bag 3001
Toowong QLD 4066

Untuk menjadikannya lebih mudah, sampul surat yang telah dibayar dan dituliskan alamat ada disediakan di kebanyakan Institusi Pendidikan atau anda boleh mendapatkannya dengan membuat panggilan ke 13 OSHC (13 6742).

Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan?

Wakil Khidmat Pelanggan

Wakil Khidmat Pelanggan Allianz Global Assistance ada di kebanyakan Institusi Pendidikan di seluruh Australia pada pelbagai waktu sepanjang minggu. Mereka ada untuk menjawab soalan anda dan juga boleh memproses tuntutan kampus. Layari bahagian pelajar di laman web kami untuk masa dan lokasi:

https://www.oshcallianzassistance.com.au/member_student/need_help.aspx

What is Overseas Student Health Cover?

Kawasan Layan Diri

Sebahagian institusi mempunyai kawasan layan diri OSHC yang tersendiri di mana anda akan menemui maklumat yang boleh membantu termasuk borang tuntutan dan sampul surat yang telah dibayar.

Melalui Atas Talian

Anda akan menemui banyak maklumat yang boleh membantu dalam laman web kami: www.oshcallianzassistance.com.au

Melalui Telefon

Untuk bantuan khidmat nasihat, anda juga boleh menghubungi kami di 13 6742 (13 OSHC)

Aplikasi iPhone OSHC

Muat turun aplikasi percuma iPhone OSHC untuk menguruskan akaun anda dan mencari doktor tempatan menggunakan GPS telefon anda www.oshcallianzassistance.com.au/app

Bagaimana saya memperbaharui OSHC?

Sekiranya OSHC anda tamat tempoh sebelum visa pelajar anda tamat, ia menjadi tanggungjawab anda untuk memperbaharui OSHC anda. Atau jika anda membuat permohonan untuk melanjutkan visa pelajar anda, anda perlu membuktikan kepada Jabatan Imigresen yang anda mempunyai OSHC.

Anda boleh memperbaharui polisi anda:

- Secara atas talian di www.oshcallianzassistance.com.au menggunakan kad kredit anda
- Dalam kampus dengan wakil Khidmat Pelanggan kami dan sebahagian kutipan premium Institusi Pendidikan bagi pihak kami..
- Melalui pos dengan menghantar cek atau kiriman wang disertakan dengan borang pembaharuan yang boleh dimuat turun dari laman web kami.

Apa yang akan berlaku jika saya lupa memperbaharui OSHC saya?

Anda bertanggungjawab untuk memastikan OSHC anda sentiasa sah. Jika anda membenarkan polisi anda mempunyai masa senggang sementara anda menggunakan visa pelajar, dan anda mahu memperbaharui OSHC anda, anda harus membayar premium untuk masa senggang tersebut. Anda tidak akan dibayar faedah untuk tuntutan yang dibayar semasa masa senggang OSHC anda untuk tempoh yang dilanjutkan.

Saya akan meninggalkan Australia dan OSHC saya belum tamat tempoh, bolehkah saya mendapatkan bayaran balik?

Anda boleh membuat permohonan bertulis untuk bayaran balik bagi bahagian polisi premium yang belum tamat tempoh jika:

- Anda membayar premium anda dan tidak datang ke Australia

What is Overseas Student Health Cover?

- Anda membayar premium anda untuk melanjutkan tempoh tetapi ia tidak diluluskan oleh Jabatan Imigresen.
- Anda dibenarkan untuk menamatkan pengajian dan meninggalkan Australia atas sebab yang tidak dapat dielakkan.
- Anda telah diberikan status penduduk tetap Australia
- Anda tidak tinggal di Australia dalam tempoh 3 bulan berturut-turut atau lebih semasa memegang visa pelajar yang sah
- Anda boleh memberikan bukti OSHC yang diberikan oleh organisasi lain yang termasuk dalam lingkungan masa yang sama.

Ambil perhatian:

- Bayaran balik adalah dikira berdasarkan pro-rata bulanan, dengan bayaran balik minimum berjumlah satu bulan.
- Bayaran balik minimum sebanyak 3 bulan akan dibayar sekiranya perlindungan dibatalkan semasa masih di Australia
- Sebarang amaun yang disimpan atas sebab-sebab ini akan dikira sebagai yuran untuk memproses bayaran balik kepada anda
- Tidak ada masa perlindungan minimum yang akan dibayar sekiranya perlindungan dibatalkan sebelum anda tiba di Australia